

Headline	HTC pintu usahawan teroka produk tradisional		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Feb 2021	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	107,609
Page No	24,25	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	1838 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 75,159
Frequency	Daily	PR Value	RM 225,477



BAHAN YANG DIGUNAKAN

- Bahan herba kering akan melalui ujian kualiti dan keselamatan di makmal terbah.
- Bahan herba yang telah lulus ujian makmal akan melalui proses pengaliran menggunakan air suhuk sebagai bahan pelarut dan kemudian dipanaskan atau direbus mengikut tahap darjah kegunaan dan tempoh masa tertentu.
- Air rebusan herba atau ekstrak herba dalam bentuk cecair yang dipendekkan melalui proses pengaliran akan melalui proses pemekatan dan pengeringan untuk menghasilkan ekstrak herba dalam bentuk serbuk.
- R&D formula dipelajari untuk memastikan dos produk akhir dengan mencampurkan ekstrak herba kering dan bahan tambahan (excipien) tertentu.
- Formula ekstrak yang dipendekkan akan melalui proses pengaliran produk siap sedia ada dalam bentuk botol atau pek lipat, pelesenan dan pembungkusan.
- Produk siap akan melalui ujian kualiti dan keselamatan di makmal terbah.
- Pendaftaran produk siap di NPRA.
- Produk siap yang lulus pendaftaran akan diberikan no pendaftaran MAJ dan pekat hologram oleh NPRA.
- Proses pengaliran produk berdaftar secara komersial.
- Pemasaran dan penjualan produk oleh pelanggan.

KERJA - herba pembersihan dan pengaliran bahan mentah herba.

PROSES adunan dan pengeringan formula produk kapsul menggunakan mesin Fluid Bed Dryer

HTC pintu usahawan teroka produk tradisional

Oleh LAUPA JUNUS
glaupaj@metanet.com.my

POTENSI Industri herba di negara ini amat tinggi. Berdasarkan statistik Kementerian Pembangunan Usahawan, nilai pasaran industri herba tempatan dianggarkan mencapai angka RM32 bilion pada tahun lalu dengan kadar pertumbuhan antara lain hingga 15 peratus.

Berikutan permintaan tinggi terhadap herba, ramai usahawan terutama pengusaha kecil dan sederhana (PKS) mula ingin mencuba industri herba untuk menghasilkan produk bernilai tinggi bagi memudahkan pengosong membinanya.

Walaupun demikian, tidak semua produk herba boleh dihasilkan dan dipasarkan dengan mudah tanpa perlu mematuhi peraturan pihak berawak. Ini kerana industri ini juga tertakluk kepada peraturan dan undang-undang tertentu. Ini disebabkan produk herba walaupun berkesan tetapi juga boleh mendatangkan mudarat jika disalah guna atau

disediakan dalam persekitaran yang tidak terkawal dan kotor.

Sebagai contoh, berdasarkan Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, semua produk herba yang dihasilkan di bawah produk tradisional, wajib mendapat kelulusan dan berdaftar dengan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan.

Pendaftaran tersebut dapat memberi jaminan kepada pengguna bahawa produk yang dipasarkan adalah selamat dan berkualiti kerana telah menjalani beberapa siri ujian keselamatan seperti ujian kandungan mikroorganisma, ujian tahap kandungan logam berat dan ujian tahap ketahanan produk.

Selain itu produk tradisional juga perlu diproses dan dibungkaskan di premis atau fasiliti yang mendapat pengiktirafan pensijilan Amalan Pengaliran Baik (GMP) untuk membolehkan ia didaftarkan di NPRA sebelum dipasarkan.

Meskipun peraturan ini dapat melindungi pengguna kepada pengusaha kecil dan sederhana untuk mengahai dan memasarkan produk

kerana melibatkan kos pengeluaran yang tinggi dalam menyediakan fasiliti berstatus GMP serta mematuhi peraturan pasaran tempatan dan antarabangsa yang ketat.

Justeru, sehingga kini masih banyak lagi produk tradisional yang tidak berdaftar dan dijual secara meluas di pasaran tempatan. Ia dibuktikan dengan nilai rampasan menjangkau RM2.55 juta oleh Kementerian Kesihatan pada awal tahun lalu.

Justeru bagi meningkatkan keyakinan pengguna dan industri herba lebih dipercayai, ada keperluan untuk memastikan produk herba yang dihasilkan benar benar berkualiti, selama digunakan dan khasiatnya dipastikan berdasarkan kepada analisis atau bukti saintifik.

Berdasarkan kepada faktor tersebut, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) memulakan Pusat Teknologi Herba (HTC), FRIM yang pada 2005.

Pembinaannya bertujuan membantu usahawan mengatasi isu keyakinan dalam kalangan pengguna supaya dapat menepati tarunggan khasiat yang ada dalam produk yang dinyatakan bukanlah dawa semamamara.

HTC yang dilengkapi dengan fasiliti dan peralatan pemrosesan herba berstatus GMP yang berkecayaan menghasilkan produk yang berkualiti dan selamat.

Menurut Ketua Pusat HTC FRIM, Dr. Zamree Md. Shah, produk yang dibangunkan melalui HTC layak untuk didaftarkan di NPRA dan dengan itu membuka pintu kepada usahawan untuk memasarkan produk mereka di pasaran tempatan dan luar negara.

"HTC telah menerima Lesen Pengaliran Produk Tradisional daripada NPRA sejak 2011 membolehkannya menyediakan perkhidmatan

pengaliran produk tradisional kepada usahawan herba khususnya PKS yang masih belum mempunyai fasiliti pemrosesan berstatus GMP.

"Terkini di bawah projek Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) HTC telah memperingkatkan perupayaan dan kapasiti pemrosesannya dalam menghasilkan produk separa siap berbentuk ekstrak terpancavi dan produk siap kapsul pada skala komersial.

"Ini selaras dengan hasrat dan aspirasi kerajaan untuk memperkasa industri herba sebagai sumber pertumbuhan ekonomi negara," ujarnya.

Beliau berkata, HTC mempunyai kelebihan kerana ia menjadi pilihan utama usahawan herba untuk mendapatkan perkhidmatan teknikal berbanding syarikat lain.

Ini termasuk integriti sebagai sebuah agensi kerajaan yang dapat menaja hak intelek produk, pelanggan, fasiliti yang lengkap dan menaruh perhatian pasaran, perkhidmatan nilai tambah dengan khidmat nasihat dan penyediaan dan pembangunan (R&D) dan caj perkhidmatan yang berpatutan.

Dr. Zamree Md. Shah menunjukkan antara produk yang dihasilkan melalui HTC FRIM.

Headline	HTC pintu usahawan teroka produk tradisional		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Feb 2021	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	107,609
Page No	24,25	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	1838 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 75,159
Frequency	Daily	PR Value	RM 225,477

Kerjasama lebih 500 organisasi

MENURUT Zamree Md. Shah, setakat ini sebanyak 508 organisasi terdiri daripada syarikat dan individu telah mendapatkan perkhidmatan Pusat Teknologi Herba (HTC) sejak 2006 hingga kini.

Perkhidmatan yang diperolehi adalah menerusi aktiviti pengilangan kontrak yang disediakan

Dari 2016 hingga 2019, sebanyak 19 syarikat telah melantik HTC sebagai pengilang kontrak produk berdaftar mereka. Daripada itu sebanyak 25 jenis produk tradisional berbagai jenama dalam bentuk kapsul dihasilkan.

Beliau berkata, perkhidmatan pengilangan kontrak produk tradisional tersebut mula ditawarkan di HTC pada 2014 dan FRIM akan terus komited menyokong usahawan-usahawan herba dalam menghasilkan produk berkualiti tinggi.

Katanya, secara kumulatif, HTC menghasilkan 17,069 unit produk kapsul dari tahun 2016 hingga 2019. Berdasarkan harga jualan pula, anggaran nilai produk yang dihasilkan di HTC untuk syarikat-syarikat terbabit bernilai RM10 juta dengan purata peningkatan sebanyak 35 peratus

setahun.

"Nilai ini diunjurkan untuk meningkat kepada RM25 juta pada tahun 2022," ujarnya.

Beliau berkata, perkhidmatan yang ditawarkan oleh HTC didasarkan terutama kepada industri herba seperti pengusaha kecil dan sederhana, agensi penyelidikan, institusi pengajian tinggi (IPT) dan syarikat farmaseutikal.

HTC katanya, juga menerima Pensijilan Amalan Pengilangan Baik (GMP) bagi mengeluarkan produk ubatan tradisional dalam bentuk kapsul dan tablet pada 2007 dan memperoleh *Natural Product Development* oleh Biotech Corp. pada 2011.

Selain itu, pusat tersebut juga menerima lesen pengilang bagi mengeluarkan produk ubatan tradisional dalam bentuk kapsul dan tablet pada 2011 serta Sijil Pengesahan Halal daripada Jabatan Kemajuan Agama Islam (Jakim) pada 2016 untuk memastikan produk yang dihasilkan adalah bersih dan halal serta dapat menambah nilai kualiti produk

Setakat ini HTC mempunyai 13 tenaga yang pakar dalam bidang masing-masing.



PROSES penghasilan produk kapsul herba